

NO. SOALAN: 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 07.08.2017

SOALAN : 45

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta PERDANA MENTERI menyatakan kenapa sehingga kini masih tiada tindakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap laporan mengaitkan Pengerusi PERDA menjual tanah awam lebih rendah daripada harga pasaran di KADUN Sungai Aceh, Seberang Perai Selatan dan Sungai Baong Pulau Pinang. Apakah hasil sisatan terkini.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB Bagan, siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap penjualan tanah di KADUN Sungai Acheh, Seberang Perai Selatan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah, Pulau Pinang (PERDA) telah selesai. Kertas Siasatan kes tersebut juga telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk penelitian dan keputusan.

Siasatan terhadap kes penjualan tanah di Sungai Baong Pulau Pinang masih dalam tindakan SPRM.

Sekian, terima kasih.